

Ramai menteri anggap luar dugaan

BH 11 AUG 2000

KUALA LUMPUR, Khamis – Pemimpin Barisan Nasional (BN) terkejut dengan keputusan Menteri Besar Selangor Datuk Seri Abu Hassan Omar untuk meletakkan jawatan.

Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berkata beliau tidak tahu butir-butir mengenai peletakan jawatan itu, tetapi menyifatkan Abu Hassan sebagai pemimpin yang baik dan bersikap sederhana selain berlaku adil terhadap semua masyarakat.

“Saya menghormati Datuk Seri Abu Hassan yang berada dalam Kabinet bersama saya untuk agak lama,” selepas melancarkan sebuah buku dalam bahasa Cina mengenai penyakit ‘Parkinson’ di sini, hari ini.

Abu Hassan adalah Menteri Hal Ehwal Pengguna dan Perdagangan Dalam Negeri sebelum mengambil alih

jawatan Menteri Besar Selangor daripada Tan Sri Muhammad Muhammad Taib pada 1997.

Presiden MIC Datuk Seri S Samy Vellu pula menganggap Abu Hassan sebagai “rakan baik MIC”!

“Saya dengar berita itu malam tadi. Saya juga ada telefon Abu Hassan. Saya dapat tahu ada perbincangan antara Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Abu Hassan,” katanya selepas majlis pelancaran penggunaan kad Touch N Go di Lebuhraya Besraya.

Di HULU TERENGGANU, Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Tun Hussein, berkata pihaknya menghormati keputusan Abu Hassan untuk meletakkan watan demi kebaikan semua pihak.

Katanya, pelantikan Menteri Besar adalah hak mut-

lak Perdana Menteri dan diserahkan kepada Dr Mahathir menentukan perkara itu.

“Pergerakan Pemuda Umno akur dan menyokong sebarang keputusan yang akan dibuat oleh Perdana Menteri mengenai perkara itu kerana yang penting proses perlu berjalan lancar,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan majlis Perhimpunan Belia Peringkat Negeri Terengganu di Dewan Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Kuala Berang.

Hishammuddin berharap semua pihak memahami objektif untuk memastikan Umno terus bangkit dan projek pembangunan di Selangor tidak terjejas malah diperhebatkan lagi.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paduka Abdul Hamid Othman, berkata beliau hanya mengetahui mengenai peletakan ja-

watan Abu Hassan itu melalui laporan akhbar hari ini.

“Bagaimanapun, jawatan politik adalah dilantik dengan persetujuan ahli politik itu sendiri. Justeru, peletakan jawatan Abu Hassan tentulah dengan hasratnya” katanya.

Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, berkata beliau menghormati keputusan Abu Hassan.

Katanya, keputusan itu mungkin dibuat berdasarkan pertimbangan yang sewajarnya demi masa depan beliau dan Umno.

“Buat masa ini, jangan sesiapa pun mernbuat spekulasi mengenai peletakan jawatan Abu Hassan kerana ia akan menjejaskan kerajaan dan parti,” katanya.

Di IPOH, Menteri Besar, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali yakin beliau mem-

punyai alasan tersendiri untuk berbuat demikian yang harus dihormati.

Katanya, sejak Abu Hassan terbabit dalam arena politik selama 22 tahun, beliau dikenali sebagai seorang pentadbir yang baik dan tidak pernah menyakit hati sesiapa.

“Di dalam politik, pembabitkan Abu Hassan sama dengan saya iaitu pada 1978 dan saya terkejut dengan peletakan jawatan beliau kerana sebelum ini saya tidak mendengar apa-apa berita mengenai perkara itu,” katanya.

Mengenai kemungkinan Abu Hassan menghadapi pelbagai tekanan dalam kerjanya beliau sebagai Menteri Besar, Tajol Rosli berkata, sebagai ahli politik yang sudah lama berkecimpung dalam arena itu, beliau mungkin dapat menghadapinya.

Bagaimanapun, katanya,

tekanan itu bukan sahaja dihadapi beliau seorang malah turut menjejaskan keluarganya.

Sementara itu, Ketua MIC Selangor yang juga Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk G Palanivel berkata: “MIC Selangor menghormati keputusan Abu Hassan walaupun sedih dengan perkara itu.”